

# Pendedahan Tunggak 3

- 176 1.0 Tinjauan
- 176 2.0 Skop Pemakaian
- 177 3.0 Pengurusan Modal
- 179 4.0 Pengurusan Risiko
- 180 5.0 Risiko Kredit
- 193 6.0 Risiko Pasaran & Kecairan
- 195 7.0 Risiko Operasi
- 196 8.0 Pendedahan Tadbir Urus Syariah



# PENDEDAHAN TUNGGAK 3

## 1.0 TINJAUAN

Pendedahan Tuggak 3 adalah sebahagian daripada keperluan Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko (RWCAF) yang meliputi 3 Tuggak:

**Tuggak 1** Menetapkan keperluan modal minimum untuk risiko kredit, pasaran dan operasi.

**Tuggak 2** Bertujuan memastikan institusi perbankan mengekalkan tahap modal yang mencukupi selaras dengan profil risiko dan rancangan perniagaan mereka pada setiap masa.

**Tuggak 3** Bertujuan menggalakkan ketelusan melalui peningkatan pendedahan mengenai amalan pengurusan risiko dan kecukupan modal.

Dari sudut pengawalseliaan, Kumpulan tidak perlu mematuhi keperluan Basel II Tuggak 3 Bank Negara Malaysia (BNM) tetapi telah memilih untuk menerima pakai keperluan pendedahan itu sebagai amalan terbaik. Pendedahan Tuggak 3 Kumpulan ditadbir oleh Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko (Basel II Tuggak 3) yang mendokumentkan kandungan, kepentingan, kekerapan pendedahan dan kawalan dalaman yang dilaksanakan dalam proses pendedahan itu.

Dalam menentukan keperluan modal untuk risiko kredit, Kumpulan telah mengamalkan Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman Termaju (AIRB) bagi portfolio Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR) dan Pendekatan Seragam bagi portfolio Pembelian dengan Rekursa (PWR) dan pelaburan.

Bagi risiko pasaran, Kumpulan menerima pakai Pendekatan Piawaian, manakala keperluan modal wajarnya risiko bagi risiko operasi dibuat berdasarkan kepada Pendekatan Petunjuk Asas yang merupakan purata peratusan yang ditetapkan oleh BNM daripada pendapatan kasar tahunan yang positif sepanjang tempoh tiga tahun sebelumnya.

Di bawah RWCAF Basel II Tuggak 3 BNM, maklumat yang didedahkan di dalamnya tidak perlu diaudit oleh juruaudit luar. Walau bagaimanapun, pendedahan yang disediakan di dalamnya telah disemak dan disahkan oleh juruaudit dalaman dan diperakui oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif. Pendedahan Tuggak 3 akan diterbitkan setiap tahun bersama-sama dengan laporan tahunan yang boleh didapati di laman web Syarikat, [www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my).

## 2.0 SKOP PEMAKAIAN

Asas bagi penyataan dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada penyata kewangan. Tiada sekatan yang ketara atau halangan dikenakan kepada pemindahan dana atau modal terkawal dalam Kumpulan. Tiada sebarang anak syarikat dalam Kumpulan mengalami kekurangan modal pada tahun ini.

Bagi tujuan pendedahan Tuggak 3, skopnya dihadkan kepada anak syarikat penting yang ada kaitan dengan aset Kumpulan iaitu Cagamas Berhad dan anak syarikat sahaja (dirujuk di sini sebagai Syarikat). Pendedahan yang diterbitkan adalah untuk tahun berakhir 31 Disember 2015 yang berdasarkan penyata kewangan Cagamas Berhad. Maklumat mengenai syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan boleh didapati dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 3.0 PENGURUSAN MODAL

Pengurusan modal Syarikat dipandu oleh Rangka Kerja Pengurusan Modal yang menetapkan dasar dan prosedur minimum yang diperlukan untuk memastikan modal yang cukup dikekalkan untuk menyokong pembangunan perniagaannya.

Rangka kerja ini bertujuan untuk memastikan Syarikat mengkaji keperluan modalnya untuk tempoh minimum 3 tahun, selaras dengan profil risiko dan pelan perniagaan Syarikat dan juga untuk mengekalkan paras modal yang mencukupi sepanjang masa. Ini melibatkan inisiatif utama berikut:

- Fokus kepada usaha mengukur pulangan modal yang digunakan dalam menilai cadangan perniagaan yang memerlukan penggabungan peranan pembangunan unik Syarikat di pasaran modal hutang dan sebagai penyedia kecairan;
- Pemantauan keteguhan kedudukan modal secara berterusan dan penggunaan modal yang cekap melalui pelan modal 3 tahun;
- Perancangan awal untuk memenuhi keperluan Basel III, termasuk pelaksanaan ICAAP serta memastikan supaya keperluan modal di bawah senario tekanan diambil kira dalam perancangan modal.

Strategi pengurusan modal adalah dinamik dan berpandangan ke depan, melibatkan pengurusan keperluan modal perniagaan baharu dan sedia ada serta mengambil kira persekitaran perniagaan yang memberi kesan kepada keperluan dan nilai Syarikat.

Strategi ini melibatkan pengurusan struktur modal Syarikat secara proaktif supaya mencapai tahap berkesan sambil pada masa yang sama mengekalkan keteguhan dan kemantapan kedudukan modal sejajar dengan profil risiko dan menyokong pertumbuhan perniagaan. Ini melibatkan penilaian dan pemantauan berterusan terhadap tahap dan kualiti modal Syarikat oleh Lembaga Pengarah dan dinilai berdasarkan kepada objektif utama berikut:

- Mengelakkan tahap keteguhan kewangan yang tinggi, berkait rapat dengan profil risiko secara keseluruhan dan tahap kesanggupan menerima risiko;
- Memelihara fleksibiliti kewangan untuk membiayai pertumbuhan dalam;
- Mampu menghadapi permintaan modal akibat kejutan pasaran dan tekanan keadaan;
- Mengekalkan penarafan kredit luar Syarikat yang kukuh;
- Memenuhi jangkaan pelbagai pihak berkepentingan, rakan niaga, penanggung hutang, agensi penarafan dan pemegang saham.

Pindaan garis panduan rangka kerja pengurusan modal yang dikeluarkan oleh BNM pada 28 November 2012 telah menetapkan keperluan umum mengenai kecukupan modal berkanun, komponen modal berkanun yang layak dan keperluan untuk mengira aset berwajaran risiko (RWA). RWA Syarikat dikira mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal Basel II.

### 3.1 Nisbah Kecukupan Modal

Jadual berikut memperincikan nisbah kecukupan modal bagi Syarikat:

	2015	2014
<i>Sebelum ditolak dividen dicadangkan</i>		
Nisbah modal teras	21.6%	23.6%
Nisbah modal berwajaran risiko	23.6%	24.3%
<i>Selepas ditolak dividen dicadangkan</i>		
Nisbah modal teras	21.5%	23.5%
Nisbah modal berwajaran risiko	23.5%	24.2%

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 3.0 PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)

### 3.2 Struktur Modal

Jadual berikut memperincikan struktur modal bagi Syarikat:

	2015 RM'000	2014 RM'000
<b>Modal Tahap I</b>		
Modal syer berbayar	150,000	150,000
Pendapatan tertahan	2,863,895	2,624,847
Tolak: Aset cukai tertunda	–	(6,236)
Tolak: Peruntukan penjejasan kolektif	(189,647)	–
	<b>2,824,248</b>	2,768,611
<b>Modal Tahap II</b>		
Peruntukan bagi kerugian kemerosotan nilai	76,625	72,471
Tambah: Peruntukan penjejasan kolektif	189,647	–
Jumlah Modal	<b>3,090,520</b>	2,841,082

### 3.3 Keperluan Modal Kawal Selia Minimum

Jadual berikut memperincikan keperluan modal minimum bagi menyokong RWA Syarikat pada:

Kelas Pendedahan	2015 RM'000	2014 RM'000
<b>Aset berwajaran risiko</b>		
i) Risiko Kredit	12,291,272	10,970,406
ii) Risiko Pasaran	–	–
iii) Risiko Operasi	786,063	737,093
Jumlah	<b>13,077,335</b>	11,707,499
<b>Keperluan modal risiko minimum pada 8%</b>		
i) Risiko Kredit	983,302	877,633
ii) Risiko Pasaran	–	–
iii) Risiko Operasi	62,885	58,967
Jumlah	<b>1,046,187</b>	936,600

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 4.0 PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan mengambil pandangan holistik dan seluruh perniagaan dalam menguruskan risiko di kesemua anak syarikat dengan membuat penilaian risiko secara kerap.

### 4.1 Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM)

ERM menjadi sebahagian daripada budaya Kumpulan dan terterap dalam proses dan amalan perniagaan. Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja ERM, memperincikan tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah (“Lembaga” atau “BOD”), Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC), Ketua Pegawai Eksekutif/Presiden (CEO), Ketua Pegawai Risiko (CRO), Pengurusan Jawatankuasa Eksekutif (MEC), Jawatankuasa Aset Liabiliti (ALCO), Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan (RMD), Jabatan Audit Dalaman (IAD) dan kakitangan Cagamas.

Rangka Kerja ERM disediakan ke arah mencapai objektif Cagamas yang meliputi empat kategori berikut:

- Strategik – matlamat peringkat tinggi, sejajar dengan dan menyokong misinya
- Operasi – penggunaan sumbernya secara cekap dan berkesan
- Kewangan – keuntungan dan kemampuan prestasi
- Laporan & Pematuhan – tahap kebolehpercayaan laporan dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

Tiga barisan pertahanan dalam menguruskan risiko diterima pakai dalam Kumpulan, selaras dengan keperluan ERM. Unit perniagaan yang menjadi barisan pertahanan pertama mempunyai tanggungjawab utama untuk mengenal pasti, mengurang dan mengurus risiko dalam barisan perniagaan mereka. Mereka juga memastikan supaya aktiviti harian mereka dilaksanakan selaras dengan dasar, prosedur dan had risiko yang telah ditetapkan.

Sebuah RMD bebas memainkan peranan sebagai barisan pertahanan kedua menyediakan sumber khusus untuk mengurus risiko secara proaktif. Ini termasuk menilai pendedahan risiko dan menyelaras pengurusan risiko bagi seluruh perniagaan. RMD juga bertanggungjawab untuk memastikan supaya dasar risiko dilaksanakan sewajarnya.

IAD menjadi barisan pertahanan ketiga yang bertanggungjawab menyemak secara bebas kecukupan dan keberkesan proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada dasar risiko dalaman.

### 4.2 Struktur Tadbir Urus Risiko

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan bagi Cagamas. Ia menyediakan pengawasan untuk memastikan Pengurusan telah mewujudkan sistem dan amalan pengurusan risiko yang sewajarnya bagi mengurus risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Syarikat. Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko dan paras toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan Syarikat dan profil risiko yang dikehendaki. Lembaga Pengarah juga menyemak dan meluluskan semua dasar pengurusan dan pendedahan risiko yang penting.

BRC membantu Lembaga Pengarah dengan memastikan kewujudan pengawasan dan pembangunan strategi, dasar dan infrastruktur yang berkesan untuk mengurus risiko Syarikat. BRC disokong oleh jawatankuasa pengurusan yang menangani risiko-risiko utama yang dikenal pasti.

MEC dan ALCO yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan dan dipengerusikan oleh CEO yang menjalankan fungsi pengawasan peruntukan modal dan had risiko keseluruhan, dengan menyesuaikannya kepada tahap kesanggupan menerima risiko seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Pihak pengurusan juga bertanggungjawab melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan kewujudan prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan, kawalan dalaman dan sistem yang menyokong dasar-dasar tersebut.

RMD bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengukur, menganalisis, mengawal, memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara bebas dan menyelaras pengurusan risiko untuk seluruh perniagaan. Ia bebas daripada jabatan-jabatan lain yang terlibat di dalam aktiviti mengambil risiko dan membuat laporan terus kepada BRC.

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 4.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

### 4.3 Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP)

Secara umum, ICAAP melibatkan penilaian menyeluruh semua risiko penting yang terdedah kepada Syarikat, menilai kecukupan modal Syarikat berbanding dengan risikonya dan menetapkan sasaran modal yang sepadan dengan profil risiko serta persekitaran operasinya, dengan mengambil kira strategi perniagaan Syarikat dan tahap kesanggupannya menerima risiko. Berikut adalah komponen utama dalam ICAAP Syarikat:

#### Tahap Kesanggupan Menerima Risiko

Tahap kesanggupan menerima risiko adalah tahap toleransi risiko yang boleh diterima bagi setiap kategori risiko penting dan parameter lain yang berkaitan dalam mencapai objektif perniagaan Syarikat. Ia tidak berusaha untuk mencegah pengambilan risiko. Sebaliknya, ia memastikan risiko yang diambil oleh Syarikat adalah bersesuaian dengan strategi perniagaan yang pilih.

#### Penilaian & Kuantifikasi Risiko Penting

Menganalisis semua risiko yang berlaku dalam aktiviti perniagaan Syarikat dan mengiktiraf risiko yang dialami oleh Syarikat atau boleh terdedah kepada pada masa depan. Ini termasuk risiko yang boleh diukur dan tidak boleh diukur. Risiko dikumpulkan untuk menentukan risiko keseluruhan Syarikat di bawah ICAAP, termasuk penilaian kesan tekanan pada sasaran RWCR dalaman.

#### Ujian Tekanan

Satu ujian tekanan yang rapi dan berpandangan ke depan merupakan sebahagian yang penting didalam ICAAP, membolehkan Syarikat menilai kesan kepada kecukupan modal yang timbul daripada peristiwa buruk atau perubahan dalam keadaan pasaran. Ujian tekanan selanjutnya akan membolehkan Syarikat menilai kelemahan penyata kedudukan kewangan dan daya tahan rancangan kewangannya akibat peristiwa tekanan melampau tetapi munasabah itu.

Bagi memastikan keberkesanan keputusan ujian tekanan, pelbagai senario diambil kira termasuk sekurang-kurangnya satu senario kelemahan ekonomi yang teruk tetapi munasabah, seperti kemelesetan ekonomi yang teruk dan/atau satu kejutan kecairan di seluruh sistem. Tekanan ini akan menyelubungi seluruh syarikat meliputi semua bidang risiko yang berkaitan dan entiti penting dalam Syarikat. Keputusan ujian tekanan dibincangkan oleh MEC dan dilaporkan kepada BRC dan BOD.

#### Pengurusan Modal

Pengukuran modal sedia ada dan instrumen modal Syarikat diperincikan dalam Rangka Kerja Pengurusan Modal. Komponen yang dipertimbangkan dalam modal sedia ada dikaji semula atau dipertingkatkan apabila diperlukan bagi memastikan kesesuaian.

#### Kajian Bebas

Satu kajian semula bebas daripada ICAAP akan dilakukan untuk mengkaji semula proses dan sistem untuk menilai pelbagai risiko yang terdedah kepada Syarikat dan untuk mengaitkan risiko dengan tahap modal. Skopnya termasuk kajian semula kesesuaian proses penilaian kecukupan modal dalaman, mengenal pasti risiko utama, kewajaran senario ujian tekanan, kewibawaan, kebolehupayaan mengesah dan kelengkapan input data dan andaian yang digunakan.

## 5.0 RISIKO KREDIT

Risiko kredit boleh ditakrifkan sebagai potensi kerugian kewangan berpunca daripada kegagalan pihak peminjam atau rakan niaga mematuhi komitmen kewangan atau kontrak. Risiko kredit dalam Syarikat timbul daripada perniagaan Pembelian Dengan Rekursa (PWR) dan Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR), pelaburan dan aktiviti lindung nilai perpendaharaan. Syarikat berusaha mengambil risiko kredit yang menepati piawaian pengunderitan dan memastikan risiko yang diambil berbaloi dengan margin yang dikenakan.

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### Pengawasan dan Organisasi Pengurusan Risiko Kredit

Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan (MEC) adalah jawatankuasa pengurusan kanan yang bertanggungjawab ke atas keseluruhan pendedahan risiko kredit Syarikat, dengan mengambil pandangan mengenai risiko dan menempatkan portfolio kredit secara proaktif. MEC yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif juga menyemak rangka kerja pengurusan risiko kredit Syarikat, profil kredit bagi portfolio penting dan menyesuaikan pengurusan risiko kredit dengan strategi perniagaan.

Unit Perniagaan menjalankan penilaian kredit dengan teliti sebelum dikemukakan kepada Bahagian Risiko Kredit di bawah Jabatan Pengurusan Risiko. Bahagian Risiko Kredit akan membuat penilaian secara bebas ke atas pihak rakan niaga dengan mengambil kira keteguhan kewangan dan profil perniagaan sebelum membuat cadangan kepada MEC. Bahagian Risiko Kredit bertanggungjawab untuk merangka dasar dan prosedur risiko kredit untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan melapor risiko kredit Syarikat. Had kredit diluluskan oleh MEC dalam lingkungan tahap kesanggupan menerima risiko seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah.

Kekerapan laporan risiko termasuk kualiti portfolio, perubahan penarafan dan tumpuan pendedahan risiko dikemukakan kepada Jawatankuasa BRC dan Lembaga Pengarah bagi melaksanakan fungsi pengawasan.

### Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit

Pengurusan risiko kredit meliputi langkah merangka dasar risiko kredit dan manual prosedur di mana proses kredit, kawalan, kuasa memberi kelulusan, penarafan/permarkahan risiko dan proses semakan semula Syarikat didokumenkan. Piawaian ini meliputi originasi kredit, mengukur dan mendokumentasi serta mengenal pasti masalah, mengelas dan mengambil langkah pemulihan.

Syarikat mengurus risiko kreditnya melalui penilaian yang menyeluruh ke atas pihak berurusan, mengenakan kriteria kelayakan secara berhemat dan melaksanakan usaha wajar ke atas pinjaman dan pembiayaan yang akan dibeli. Syarikat mempunyai sistem penarafan dalaman yang meletakkan had kredit maksimum yang dibenarkan bagi setiap kategori penarafan.

Had kredit akan disemak semula secara berkala dan akan ditentu berdasarkan kepada gabungan penarafan luaran, penilaian kredit dalaman dan keperluan perniagaan. Aktiviti pembiayaan juga ditentukan oleh dasar kredit dalaman, manual prosedur dan Rangka Tahap Kesanggupan Menerima Risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

#### Bidang Utama Pendedahan Kredit:

##### a) Pembelian Dengan Rekursa (PWR)

Di bawah skim PWR, Syarikat mengambil risiko rakan niaga iaitu risiko kredit institusi yang menjual berikutkan aku janjinya untuk membeli atau mengganti semula pinjaman tidak layak. Semakan semula terhadap rakan niaga dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam masa setahun disertai dengan maklumat terkini. Syarikat mengenakan had yang ketat terhadap pendedahan rakan niaga berdasarkan kepada penarafan dan penilaian kredit dalaman. Di samping itu, tumpuan risiko di bawah PWR diurus dan dipantau melalui had tumpuan yang diwujud berdasarkan kepada jenis rakan niaga dan jenis aset.

##### b) Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR)

Bagi PWOR, Syarikat menanggung semua risiko kredit pinjaman dan pembiayaan yang dibeli di mana pembelian terhad kepada penjual yang diluluskan. Pembelian pinjaman ini diuruskan melalui pematuhan kepada kriteria kelayakan yang ketat dan pelaksanaan usaha wajar ke atas portfolio sebelum pembelian. Sebagai langkah mengawal risiko kredit seterusnya, pembelian PWOR mungkin meliputi ciri potongan gaji secara automatik. Portfolio ini akan dipantau melalui had tumpuan berdasarkan kepada jenis hartanah dan lokasi.

##### c) Pelaburan dan Aktiviti Derivatif

Pengurusan risiko kredit yang timbul daripada pelaburan lebihan dana Syarikat dilaksanakan terutamanya melalui penetapan had kredit rakan niaga. Had kredit akan diwujudkan berikutnya penilaian terhadap kemantapan kredit rakan niaga menurut dasar pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar pelaburan menetapkan gred pelaburan minimum untuk sekuriti hutang dan tempoh maksimum dan bergantung kepada kekerapan semakan semula ke atasnya. Pendedahan kredit juga dikawal melalui pemantauan bebas dan laporan lebihan dan pelanggaran had kelulusan dan ambang kawalan risiko.

Pendedahan Syarikat ke atas Swap Kadar Faedah (IRS), Swap Kadar Keuntungan Islam (IPRS), Swap Mata Wang Bersilang (CCS) dan Swap Mata Wang Bersilang Islam (ICCS) adalah untuk tujuan perlindungan nilai sahaja.

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.1 Kawalan Risiko Kredit

Secara umum, had kredit tidak diberi semata-mata berdasarkan kepada cagaran yang diberi kerana semua had kredit yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada kedudukan kredit rakan niaga, sumber bayaran balik dan keupayaan untuk membayar hutang.

Di bawah skim PWR, Syarikat menerima jaminan daripada syarikat induk korporat dan institusi rakan niaga untuk mengawal risiko kredit tertakluk kepada garis panduan dan dasar dalaman. Bagi pendedahan kredit yang dilindungi oleh jaminan daripada penjamin yang layak, pecahan pendedahan diwajar berdasarkan kepada wajaran risiko yang sesuai kepada penjamin berkenaan. Menurut garis panduan RWCAF BNM, jaminan ini tidak akan ditimbang sekali lagi untuk tujuan kawalan risiko kredit kerana penarafannya sudah mengambil kira jaminan yang diberi oleh syarikat rakan niaga tersebut.

Jadual berikut menunjukkan keperluan modal kawal selia minimum untuk risiko kredit:

2015	Jumlah pendedahan sebelum Kawalan Risiko Kredit		Jumlah pendedahan selepas Kawalan Risiko Kredit		Keperluan modal minimum pada 8% RM'000	
	RM'000	RM'000	RM'000	Aset berwajaran risiko RM'000		
<b>Kelas Pendedahan Risiko Kredit</b>						
<i>Pendedahan Dalam Lembaran Imbangan:</i>						
Kerajaan & Bank Pusat	1,044,431	1,044,431	—	—	—	
Bank, Institusi Kewangan Pembangunan & Bank Pembangunan Pelbagai Hala	15,895,933	15,895,933	6,034,180	482,734		
Syarikat Korporat & Pemajakan	2,330,692	2,330,692	1,079,549	86,364		
Aset Gadai Janji	13,636,526	13,636,526	4,277,371	342,190		
Sewa Beli	3,914	3,914	1,105	88		
Aset-aset Lain	18,167	18,167	18,144	1,452		
Pendedahan ingkar	152,077	152,077	606,348	48,508		
<b>Jumlah</b>	<b>33,081,740</b>	<b>33,081,740</b>	<b>12,016,697</b>	<b>961,336</b>		
<i>Pendedahan Luar Lembaran Imbangan:</i>						
Instrumen Kewangan Derivatif	848,817	848,817	274,575	21,966		
<b>Jumlah Pendedahan Kredit</b>	<b>33,930,557</b>	<b>33,930,557</b>	<b>12,291,272</b>	<b>983,302</b>		

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.1 Kawalan Risiko Kredit (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan keperluan modal kawal selia minimum untuk risiko kredit (sambungan):

2014	Jumlah pendedahan sebelum Kawalan Risiko Kredit		Jumlah pendedahan selepas Kawalan Risiko Kredit		Keperluan modal minimum pada 8% RM'000	
	RM'000	RM'000	Aset berwajaran risiko RM'000	RM'000		
<b>Kelas Pendedahan Risiko Kredit</b>						
<i>Pendedahan Dalam Lembaran Imbangan:</i>						
Kerajaan & Bank Pusat	921,479	921,479	—	—	—	
Bank, Institusi Kewangan Pembangunan & Bank Pembangunan Pelbagai Hala	11,891,498	11,891,498	5,007,098	400,568	400,568	
Syarikat Korporat & Pemajakan	1,911,473	1,911,473	803,150	64,253	64,253	
Aset Gadai Janji	14,500,071	14,500,071	4,586,722	366,938	366,938	
Sewa Beli	7,083	7,083	2,013	161	161	
Aset-aset Lain	27,156	27,156	27,155	2,172	2,172	
Pendedahan ingkar	123,287	123,287	491,556	39,324	39,324	
<b>Jumlah</b>	<b>29,382,047</b>	<b>29,382,047</b>	<b>10,917,694</b>	<b>873,416</b>		
<i>Pendedahan Luar Lembaran Imbangan:</i>						
Instrumen Kewangan Derivatif	68,518	68,518	52,712	4,217	4,217	
<b>Jumlah Pendedahan Kredit</b>	<b>29,450,565</b>	<b>29,450,565</b>	<b>10,970,406</b>	<b>877,633</b>		

## PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

### 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

#### 5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit

Pihak berurusan utama Syarikat adalah Kerajaan Malaysia (GOM), institusi kewangan pembangunan dan syarikat korporat di Malaysia. Jadual berikut menunjukkan analisis pendedahan kredit asset kewangan sebelum kewalan kewatan risiko kredit oleh Syarikat, mengikut:

- (a) Analisis industri berdasarkan pengagihan industri;

	Tunai dan dana jangka pendek RM'000	Institumen kewangan derivatif RM'000	Sekuriti pelaburan AFS RM'000	Jumlah terhadang daripada rakan niaga RM'000	Aset pembiayaan Islam RM'000	Aset Konvensional RM'000	Aset gadai janji – Islam RM'000	Aset gadai janji – Islam RM'000	Aset sewa beli – Islam RM'000	Aset sewa beli – lain RM'000	Jumlah RM'000
Badan kerajaan	27	-	759,573	-	-	-	-	-	-	2,275	761,875
Institusi kewangan:											
– Bank komersial	143,765	678,847	229,426	10,193,947	4,600,101	-	-	-	-	-	15,846,086
– Bank pelaburan	100,120	-	-	-	-	-	-	-	-	-	100,120
Komunikasi, elektrik, gas dan air	-	-	80,276	-	-	-	-	-	-	-	80,276
Pengangkutan	-	-	232,782	-	-	-	-	-	-	-	232,782
Penjajakan	-	-	-	297,815	-	-	-	-	-	-	297,815
Pengguna	-	-	-	-	6,781,767	7,006,642	4	4,105	-	-	13,792,518
Korporat	-	-	-	479,217	981,348	-	-	-	-	-	1,460,565
Pembinaan	-	-	-	126,466	-	-	-	-	-	-	126,466
Lain-lain	-	-	-	345,094	-	-	-	-	-	7,447	352,541
Jumlah	243,912	678,847	1,733,617	10,970,979	5,581,449	6,781,767	7,006,642	4	4,105	9,722	33,071,044

## PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

### 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

#### 5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(a) Analisis industri berasaskan pengagihan industri; (sambungan)

	Tunai dan dana jangka pendek RM'000	Instrumen kewangan derivalif RM'000	Sekuriti pelaburan AFS RM'000	Jumlah terhadang daripada rakan niaga RM'000	Aset pembiayaan Islam RM'000	Aset Konvensional RM'000	Aset gadai janji-janji Islam RM'000	Aset Konvensional RM'000	Aset gadai janji-janji Islam RM'000	Aset sewa beli-lain RM'000	Aset sewa beli-lain RM'000	Jumlah RM'000
2014	27	-	597,603	-	-	-	-	-	-	-	-	2,966
Badan kerajaan	82,421	68,518	115,902	6,094,425	5,534,165	-	-	-	-	-	-	600,596
Institusi kewangan:	13,911	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	11,895,431
- Bank komersial	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	13,911
- Bank pelaburan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	80,488
Komunikasi, elektrik, gas dan air	-	-	80,488	-	-	-	-	-	-	-	-	263,254
Pengangkutan	-	-	263,254	-	-	-	-	-	-	-	-	445,794
Pemajakan	-	-	-	445,794	-	-	-	-	-	-	-	445,794
Pengguna	-	-	-	-	7,296,732	7,326,436	4	7,268	-	-	-	14,630,440
Korporat	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,007,025
Pembinaan	-	-	-	132,291	-	-	-	-	-	-	-	132,291
Lain-lain	-	-	-	357,146	-	-	-	-	-	-	-	363,862
Jumlah	96,359	68,518	1,546,684	6,540,219	6,541,190	7,296,732	7,326,436	4	7,268	9,502	29,432,912	

(b) Analisa geografi tidak diperlukan kerana kesemua pendedahan kredit meliputi penddedahan domestik.

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(c) Analisis kematangan berdasarkan baki kematangan kontrak

	2015	Dalam	Satu hingga	Tiga hingga	Lebih dari	Tanpa
		satu tahun RM'000	tiga tahun RM'000	lima tahun RM'000	lima tahun RM'000	
<i>Pendedahan Dalam Lembaran Imbangan:</i>						
Tunai dan dana jangka pendek	197,004	—	—	—	—	243,912
Instrumen kewangan derivatif	—	—	—	—	—	678,847
Sekuriti pelaburan AFS	328,719	354,339	229,666	880,893	—	678,847
Jumlah terhadang daripada pihak berurusan	1,051,156	7,183,539	1,781,284	955,000	—	1,793,617
Aset pembiayaan Islam	1,237,569	3,385,075	524,092	434,713	—	10,970,979
Aset gadai janji:						5,581,449
– Konvensional	1,012,079	1,262,218	1,202,930	4,409,314	(1,104,774)	6,781,767 <sup>^1</sup>
– Islam	711,515	901,258	918,230	5,521,613	(1,045,974)	7,006,642 <sup>^3</sup>
Aset sewa beli:						
– Konvensional	5	—	—	—	(1)	4 <sup>^2</sup>
– Islam	2,872	1,397	—	—	(164)	4,105 <sup>^4</sup>
Aset-aset lain	2,109	1,306	667	2,481	3,159	9,722
<b>Jumlah pendedahan dalam lembaran imbangan</b>	<b>4,543,028</b>	<b>13,089,132</b>	<b>4,656,869</b>	<b>12,204,014</b>	<b>(1,421,999)</b>	<b>33,071,044</b>
<i>Pendedahan Luar Lembaran Imbangan:</i>						
IRS/IPRS	—	34,162	56,100	—	—	90,262
CCS	—	256,941	501,614	—	—	758,555
<b>Jumlah Pendedahan Kredit</b>	<b>4,543,028</b>	<b>13,380,235</b>	<b>5,214,583</b>	<b>12,204,014</b>	<b>(1,421,999)</b>	<b>33,919,861</b>

<sup>^1</sup> Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset gadai janji konvensional RM40,386,741.

<sup>^2</sup> Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset sewa beli konvensional RM1,204.

<sup>^3</sup> Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset gadai janji Islam RM36,167,295.

<sup>^4</sup> Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset sewa beli Islam RM70,197.

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(c) Analisis kematangan berdasarkan baki kematangan kontrak (sambungan)

2014	Dalam satu tahun RM'000	Satu hingga tiga tahun RM'000	Tiga hingga lima tahun RM'000	Lebih dari lima tahun RM'000	Tanpa faedah/ untung RM'000	Jumlah RM'000
<i>Pendedahan Dalam Lembaran Imbangam:</i>						
Tunai dan dana jangka pendek	47,315	—	—	—	49,044	96,359
Instrumen kewangan derivatif	—	—	—	—	68,518	68,518
Sekuriti pelaburan AFS	249,644	485,818	377,885	433,337	—	1,546,684
Jumlah terhadang daripada pihak berurusan	178,104	4,210,177	2,151,938	—	—	6,540,219
Aset pembiayaan Islam	2,082,915	4,319,542	138,733	—	—	6,541,190
Aset gadai janji:						
– Konvensional	1,014,589	1,285,965	1,232,038	5,026,077	(1,261,937)	7,296,732 <sup>^1</sup>
– Islam	699,493	879,310	897,483	6,017,193	(1,167,043)	7,326,436 <sup>^3</sup>
Aset sewa beli:						
– Konvensional	5	—	—	—	(1)	4 <sup>^2</sup>
– Islam	4,511	2,990	114	—	(347)	7,268 <sup>^4</sup>
Aset-aset lain	2,049	1,549	940	1,954	3,010	9,502
<b>Jumlah pendedahan dalam lembaran imbangam</b>	<b>4,278,625</b>	<b>11,185,351</b>	<b>4,799,131</b>	<b>11,478,561</b>	<b>(2,308,756)</b>	<b>29,432,912</b>
<i>Pendedahan Luar Lembaran Imbangam:</i>						
IRS/IPRS	—	16,108	9,000	8,800	—	33,908
CCS	—	15,600	144,069	—	—	159,669
<b>Jumlah Pendedahan Kredit</b>	<b>4,278,625</b>	<b>11,217,059</b>	<b>4,952,200</b>	<b>11,487,361</b>	<b>(2,308,756)</b>	<b>29,626,489</b>

<sup>^1</sup> Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset gadai janji konvensional RM40,657,049.

<sup>^2</sup> Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset sewa beli konvensional RM1,204.

<sup>^3</sup> Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset gadai janji Islam RM31,742,615

<sup>^4</sup> Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset sewa beli Islam RM69,925

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.3 Pendedahan Luar Lembaran Imbangan dan Risiko Kredit Rakan Niaga (CCR)

CCR ke atas instrumen kewangan derivatif adalah risiko rakan niaga Syarikat menghadapi keingkaran dalam pertukaran matawang asing, kadar faedah, komoditi, ekuiti, opsyen atau kontrak derivatif kredit sebelum tarikh matang kontrak berkenaan dan Syarikat, pada masa berkaitan, mempunyai tuntutan ke atas pihak berurusan tersebut. Instrumen kewangan derivatif adalah terhad kepada kontrak berkaitan kadar faedah dan pertukaran matawang asing yang hanya untuk tujuan lindung nilai.

		Nilai				
		Saksama		Jumlah	Persamaan	Aset
		Positif	Kontrak			
<b>2015</b>	<b>Pendedahan Luar Lembaran Imbangan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Pokok</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
	Instrumen Kewangan Derivatif	6,632,294	678,847	848,817	274,575	
	Kontrak berkaitan kadar faedah					
	– Kurang dari 1 tahun	–	–	–	–	–
	– 1 tahun hingga kurang dari 5 tahun	1,675,000	5,663	34,162	6,833	
	– 5 tahun dan ke atas	570,000	–	56,100	11,220	
	Kontrak berkaitan pertukaran matawang asing					
	– Kurang dari 1 tahun	–	–	–	–	–
	– 1 tahun ke kurang dari 5 tahun	4,387,294	673,184	758,555	256,522	
	– 5 tahun ke atas	–	–	–	–	–
<b>2014</b>	<b>Pendedahan Luar Lembaran Imbangan</b>					
	Instrumen Kewangan Derivatif	2,647,000	68,518	160,178	52,712	
	Kontrak berkaitan kadar faedah					
	– Kurang dari 1 tahun	–	–	–	–	–
	– 1 tahun hingga kurang dari 5 tahun	500,000	6,108	16,108	3,222	
	– 5 tahun dan ke atas	–	–	–	–	–
	Kontrak berkaitan pertukaran matawang asing					
	– Kurang dari 1 tahun	–	–	–	–	–
	– 1 tahun ke kurang dari 5 tahun	2,147,000	62,410	144,070	49,490	
	– 5 tahun ke atas	–	–	–	–	–

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.4 Penarafan Kredit

#### 5.4.1 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Piawaian (Standard Approach)

Di bawah Pendekatan Piawaian, Syarikat menggunakan penarafan kredit yang ditetapkan oleh Agensi Penarafan Kredit untuk mengira aset berwajaran risiko kredit untuk PWR, Pelaburan, IRS dan CCS menurut RWCAF BNM. Agensi penarafan atau Institusi Penaksiran Kredit Luar (ECAI) yang diiktiraf oleh BNM adalah seperti berikut:

- (i) Standard & Poor's Rating Services (S&P)
- (ii) Moody's Investors Service (Moody's);
- (iii) Fitch Ratings (Fitch);
- (iv) Rating Agency Malaysia Berhad (RAM);
- (v) Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC); dan
- (vi) Rating & Investment Information, Inc (R&I).

Menurut RWCAF BNM, apabila penarafan pendedahan dilakukan oleh lebih daripada sebuah agensi penarafan luar, wajaran risiko akan ditentu berdasarkan kepada penarafan kedua tertinggi. Rakan niaga akan dianggap tidak ditaraf apabila sesebuah pendedahan tidak ditaraf oleh agensi penarafan tersebut, manakala pendedahan yang dilindungi oleh jaminan nyata yang dikeluarkan oleh penjamin yang layak atau sudah ditaraf, penarafan serupa yang diberikan kepada penjamin itu akan digunakan. Bagi tujuan penarafan dalam Cagamas, penarafan yang terendah akan diambil bagi situasi di mana rakan niaga ditaraf oleh lebih daripada sebuah agensi penarafan luar.

Jadual berikut menunjukkan pendedahan kredit Syarikat selepas kesan mitigasi risiko kredit mengikut wajaran risiko:

Wajaran Risiko	Kerajaan & Bank Pusat	Syarikat	Aset-aset Lain	Jumlah Aset Berwajaran Risiko
	RM'000	FI & DFI*	RM'000	RM'000
0%	1,044,431	—	—	23
10%	—	—	—	—
20%	—	6,878,732	478,825	1,471,512
50%	—	9,866,018	1,736,165	5,801,091
100%	—	—	115,702	18,144
<b>Jumlah</b>	<b>1,044,431</b>	<b>16,744,750</b>	<b>2,330,692</b>	<b>7,406,448</b>
Purata Wajaran Risiko	0.0%	37.7%	46.3%	99.9%
				36.8%

#### 2014

Wajaran Risiko	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
0%	921,479	29,979	—	1	—
10%	—	—	—	—	—
20%	—	3,126,771	548,720	—	743,770
50%	—	8,803,266	1,338,693	—	5,095,130
100%	—	—	24,060	27,155	51,215
<b>Jumlah</b>	<b>921,479</b>	<b>11,960,016</b>	<b>1,911,473</b>	<b>27,156</b>	<b>5,890,115</b>
Purata Wajaran Risiko	0.0%	42.3%	42.0%	100%	39.7%

\* FI – Institusi Kewangan

DFI – Institusi Kewangan Pembangunan

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.4 Penarafan Kredit (sambungan)

#### 5.4.1 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Piawaian (Standard Approach) (sambungan)

Jadual berikut adalah ringkasan petaan matrik berwajaran risiko dan pengagihan berwajaran risiko berdasarkan Pendekatan Piawaian:

2015 Penarafan Rakan Niaga diluluskan oleh ECAs					
	Aaa hingga Aa3	A1 hingga A3	Baa1 hingga Ba3	B1 hingga C	Tidak Ditaraf
Moody's	AAA hingga AA-	A+ hingga A-	BBB+ hingga BB-	B+ hingga D	Tidak Ditaraf
S&P	AAA hingga AA-	A+ hingga A-	BBB+ hingga BB-	B+ hingga D	Tidak Ditaraf
Fitch	AAA hingga AA-	A+ hingga A-	BBB+ hingga BB-	B+ hingga D	Tidak Ditaraf
RAM	AAA hingga AA3	A hingga A3	BBB1 hingga BB3	B1 hingga C	Tidak Ditaraf
MARC	AAA hingga AA-	A+ hingga A-	BBB+ hingga BB-	B+ hingga D	Tidak Ditaraf
R&I Inc	AAA hingga AA-	A+ hingga A-	BBB+ hingga BB-	B+ hingga D	Tidak Ditaraf
Peringkat Pendedahan:	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<i>Pendedahan Dalam dan Luar Lembaran Imbangan</i>					
Entiti Sektor Awam	—	—	—	—	—
Kerajaan/Bank Pusat #	1,044,431	—	—	—	—
FI dan DFI	6,878,732	5,897,819	3,968,199	—	—
Syarikat Korporat dan Pemajakan	478,826	1,736,164	100,955	—	32,914
<b>Jumlah</b>	<b>8,401,989</b>	<b>7,633,983</b>	<b>4,069,154</b>	<b>—</b>	<b>32,914</b>

2014 Penarafan Rakan Niaga diluluskan oleh ECAs					
Peringkat Pendedahan:					
<i>Pendedahan Dalam dan Luar Lembaran Imbangan</i>					
Entiti Sektor Awam	—	—	—	—	—
Kerajaan/Bank Pusat #	921,479	—	—	—	—
FI dan DFI	3,170,661	5,389,675	3,399,680	—	—
Syarikat Korporat dan Pemajakan	548,720	1,338,693	—	—	24,060
<b>Jumlah</b>	<b>4,640,860</b>	<b>6,728,368</b>	<b>3,399,680</b>	<b>—</b>	<b>24,060</b>

# Di bawah RWCAF BNM, pendedahan kepada dan/atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia diberikan berwajaran risiko kedaulatan keutamaan sebanyak 0%.

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.4 Penarafan Kredit (sambungan)

#### 5.4.2 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman Termaju (AIRB)

Syarikat mengambil pendekatan AIRB bagi pendedahan PWOR yang meliputi terutamanya pinjaman gadai janji dan pinjaman sewa beli di mana 3 parameter utama iaitu Kemungkinan Berlaku Ingkar (PD), Kerugian Akibat Ingkar (LGD) dan Pendedahan Sewaktu Ingkar (EAD) digunakan untuk mengira risiko kredit.

Anggaran risiko dirangka berdasarkan kepada data sejarah dalaman di mana kajian sejarah perilaku portfolio membentuk dasar pengiraan PD dan LGD. Bagi EAD, amaun pendedahan ialah baki tertunggak kerana hanya pinjaman yang dikeluarkan sepenuhnya sahaja akan dibeli di bawah kriteria kelayakan skim PWOR yang sedia ada.

Laporan pendedahan mengikut julat PD:

2015	Pendedahan Kadar Berwajaran				RWA RM'000
	EAD RM'000	LGD %	RW %	RWA RM'000	
<b>Aset Gadai Janji</b>					
Julat PD: sehingga 0.5%	—	—	—	—	—
>0.5% hingga 3%	15,787,274	32.08%	27.09%	4,277,371	
>3% hingga <100%	—	—	—	—	
100%	151,883	32.08%	398.71%	605,573	
<b>Jumlah</b>	<b>15,943,431</b>				<b>4,884,824</b>
 <b>2014</b>					
<b>Aset Gadai Janji</b>					
Julat PD: sehingga 0.5%	—	—	—	—	—
>0.5% hingga 3%	16,929,050	32.08%	27.09%	4,586,722	
>3% hingga <100%	—	—	—	—	
100%	123,097	32.08%	398.71%	490,802	
<b>Jumlah</b>	<b>17,059,766</b>				<b>5,080,291</b>

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.5 Lampau Tempoh dan Pinjaman Terjejas

Syarikat menilai kadar pinjaman terjejas dengan menentukan PD dan LGD untuk pembelian pinjaman gadai janji daripada Kerajaan Malaysia (GOM) berasaskan kepada data yang diberi oleh GOM. Peruntukan penjejasan yang diperlukan ditentu melalui PD dan LGD sebagaimana pengiraan yang dibuat oleh Syarikat dan ia dikira berdasarkan kaedah pinjaman terjejas.

PD dikira sebagai bilangan pinjaman tertunggak ke atas jumlah bilangan pinjaman bermula dari awal 12 bulan mulai dari tarikh pembelian hingga tarikh tamat yang ditetapkan.

LGD dikira menggunakan kutipan semula sebagai peratus baki tertunggak ingkar menggunakan data pinjaman ingkar yang dikutip semula dari tahun 2004 hingga 2013 dan memasukkan kedua-dua kutipan semula tunai dan kutipan semula daripada pelupusan cagaran. Penyesuaian dibuat untuk mencerminkan pandangan bahawa data kutipan semula Syarikat masih boleh diguna pakai.

Peruntukan penjejasan dikira secara kolektif, bukan secara individu untuk mencerminkan ciri kesaksamaan aset berkenaan bagi membolehkan teknik statistik digunakan berbanding penilaian secara individu.

(a) Jadual berikut adalah ringkasan peruntukan penjejasan mengikut tujuan ekonomi:

	Tidak lampau tempoh mahu pun penjejasan	Lampau tetapi tidak terjejas secara individu		Jumlah Peruntukan penjejasan	Jumlah nilai bawaan
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>2015</b>					
Pembelian aset gadai janji	26,974,138	151,833	27,126,021	76,554	27,049,467
Pembelian kenderaan bermotor/ peralatan	1,380,523	194	1,380,717	71	1,380,646
Kegunaan persendirian	1,914,832	—	1,914,832	—	1,914,832
	<b>30,269,493</b>	<b>152,077</b>	<b>30,421,570</b>	<b>74,625</b>	<b>30,344,945</b>
<b>2014</b>					
Pembelian aset gadai janji	22,334,340	123,098	22,457,438	72,400	22,385,038
Pembelian kenderaan bermotor/ peralatan	3,287,111	189	3,287,300	71	3,287,229
Kegunaan persendirian	2,039,582	—	2,039,582	—	2,039,582
	<b>27,661,033</b>	<b>123,287</b>	<b>27,784,320</b>	<b>72,471</b>	<b>27,711,849</b>

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.5 Lampau Tempoh dan Pinjaman Terjejas (sambungan)

(b) Jadual berikut adalah rumusan peruntukan penjejasan mengikut jenis produk:

	Tidak lampaui tempoh mahu pun penjejasan RM'000	Lampau tetapi tidak terjejas secara individu RM'000	Jumlah RM'000	Peruntukan penjejasan RM'000	Jumlah nilai bawaan RM'000
<b>2015</b>					
Jumlah ter hutang daripada rakan niaga	<b>10,970,979</b>	—	<b>10,970,979</b>	—	<b>10,970,979</b>
Aset Pembiayaan Islam	<b>5,581,449</b>	—	<b>5,581,449</b>	—	<b>5,581,449</b>
Aset gadai janji					
– Konvensional	<b>6,738,803</b>	<b>83,351</b>	<b>6,822,154</b>	<b>40,387</b>	<b>6,781,767</b>
– Islam	<b>6,974,277</b>	<b>68,532</b>	<b>7,042,809</b>	<b>36,167</b>	<b>7,006,641</b>
Aset sewa beli					
– Konvensional	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>4</b>
– Islam	<b>3,985</b>	<b>190</b>	<b>4,175</b>	<b>70</b>	<b>4,105</b>
	<b>30,269,494</b>	<b>152,077</b>	<b>30,421,571</b>	<b>76,625</b>	<b>30,344,945</b>
<b>2014</b>					
Jumlah ter hutang daripada rakan niaga	<b>6,540,219</b>	—	<b>6,540,219</b>	—	<b>6,540,219</b>
Aset Pembiayaan Islam	<b>6,541,190</b>	—	<b>6,541,190</b>	—	<b>6,541,190</b>
Aset gadai janji					
– Konvensional	<b>7,267,791</b>	<b>69,598</b>	<b>7,337,389</b>	<b>40,657</b>	<b>7,296,732</b>
– Islam	<b>7,304,679</b>	<b>53,500</b>	<b>7,358,179</b>	<b>31,743</b>	<b>7,326,436</b>
Aset Sewa Beli					
– Konvensional	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>4</b>
– Islam	<b>7,152</b>	<b>185</b>	<b>7,338</b>	<b>70</b>	<b>7,268</b>
	<b>27,661,032</b>	<b>123,287</b>	<b>27,784,320</b>	<b>72,471</b>	<b>27,711,849</b>

## 6.0 RISIKO PASARAN & KECAIRAN

Risiko pasaran adalah potensi kerugian yang timbul daripada pergerakan harga pasaran dan kadar yang tidak menggalakkan. Pendedahan risiko pasaran hanya terhad kepada risiko kadar faedah dan pertukaran matawang asing memandangkan Syarikat tidak terlibat dalam sebarang aktiviti dagangan ekuiti atau komoditi. Syarikat tidak terdedah kepada risiko kadar faedah yang timbul daripada aktiviti perdagangan kerana ia adalah dilarang.

Risiko kecairan timbul apabila Syarikat tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila tiba masanya.

### Pengawasan dan Penyusunan Pengurusan Risiko Pasaran dan Kecairan

ALCO adalah jawatankuasa pengurusan kanan yang bertanggungjawab bagi pengurusan aktiviti risiko pasaran dan kecairan Syarikat termasuk menentukan had risiko. ALCO yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif menyemak dasar risiko pasaran dan kecairan Syarikat, strategi pembiayaan, menyelaraskan pengurusan risiko pasaran dan kecairan dengan strategi perniagaan dan mengkaji semula prestasi portfolio pelaburan, kedudukan lindung nilai dan had/pematuhan risiko dan keputusan ujian tekanan.

RMD menyokong ALCO di peringkat kerja dan merupakan unit kawalan risiko bebas yang bertanggungjawab membangunkan dasar risiko pasaran dan kecairan dan memastikan pengawasan kawalan risiko yang mencukupi.

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 6.0 RISIKO PASARAN DAN KECAIRAN (SAMBUNGAN)

### Pendekatan Pengurusan Risiko Pasaran dan Kecairan

Syarikat menguruskan risiko pasaran dan kecairan dengan mengenakan had ambang yang diluluskan oleh pengurusan menurut parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan hubungan risiko-pulangan.

Selanjutnya, Syarikat juga berpegang kepada dasar padanan pembiayaan yang ketat di mana semua pembelian aset dibayai oleh bon yang dipadankan dengan saiz hampir sepadan serta tempoh dan mencukupi dari segi aliran tunai. Mekanisma kecairan masa depan tersedia untuk menggalakkan pengurusan aliran tunai yang cekap dan berkesan sambil pada masa yang sama mengelakkan tumpuan pembiayaan secara berlebihan. Syarikat merancang aliran tunainya dan mengawasi dengan teliti setiap urus niaga perniagaan bagi memastikan dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Rizab kecairan yang meliputi sekuriti hutang boleh niaga juga disediakan untuk menghadapi kurangan aliran tunai di luar jangkaan atau keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan di pasaran kewangan.

Instrumen derivatif seperti swap kadar faedah digunakan untuk mengurus dan melindung nilai pendedahan risiko pasaran daripada turun naik kadar faedah. Proses pengurusan kecairan melibatkan pemantauan berkala terhadap had risiko kecairan, dan mewujudkan pelan pembiayaan luar jangka. Proses ini tertakluk kepada kajian semula. Syarikat juga memantau kecairan berdasarkan kepada nisbah liputan kecairan dan nisbah pembiayaan stabil bersih Basel III.

### 6.1 Pengurusan Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan

Risiko kadar faedah dalam buku perbankan dipantau secara bulanan dan pendedahannya adalah minimal kerana pendekatan pembiayaan padanan yang diterima pakai oleh Syarikat bagi aset dan liabilitinya. Kesannya ke atas pendapatan faedah bersih dan jadual berikut meringkaskan kesan yang timbul dari peralihan selari 100 mata asas.

Jenis Mata Wang	Kesan pada Kedudukan Sekata 31 Disember 2015	
	(-100 mata asas) Anjakan Selari	(+100 mata asas) Anjakan Selari
	Peningkatan/(Penurunan) dalam Pendapatan Faedah Bersih RM'000	Peningkatan/(Penurunan) dalam Pendapatan Faedah Bersih RM'000
MYR	(2,426)	2,435

Jenis Mata Wang	Kesan pada Kedudukan Sekata 31 Disember 2014	
	(-100 mata asas) Anjakan Selari	(+100 mata asas) Anjakan Selari
	Peningkatan/(Penurunan) dalam Pendapatan Faedah Bersih RM'000	Peningkatan/(Penurunan) dalam Pendapatan Faedah Bersih RM'000
MYR	(5,304)	5,311

### 6.2 Pengurusan Bukan Dagangan Risiko Pertukaran Asing

Syarikat terdedah kepada risiko pertukaran asing daripada aktiviti pembiayaan perbendaharaan di mana nilai mata wang bukan dalam Ringgit Malaysia. Risiko mata wang asing diuruskan/dilindungi nilai dengan membuat swap mata wang silang dengan pihak yang dipilih pada peringkat awal dan serentak dengan penerbitan bon dan pembelian aset untuk memastikan bahawa tidak ada ketidakpadanan masa di antara aliran tunai daripada aset, liabiliti ke atas bon mata wang asing sebagai serta instrumen lindung nilai.

# PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)

## 7.0 RISIKO OPERASI

Risiko operasi adalah kerugian potensi akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau akibat daripada peristiwa luaran. Ia termasuk risiko reputasi yang berkaitan dengan amalan perniagaan Syarikat atau pengendalian pasaran. Ia juga termasuk risiko gagal untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

### **Pengawasan dan Penyusunan Pengurusan Risiko Operasi**

MEC mentadbir risiko operasi dalam Syarikat. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap suku tahun dan membincangkan isu-isu berkaitan risiko operasi.

RMD menggariskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi Syarikat (ORM) yang mentakrifkan dengan jelas pendekatan Syarikat terhadap pengurusan risiko operasi yang merangkumi Penilaian Sendiri Risiko & Kawalan Syarikat/Piawaian dan Dasar Risiko Operasi. Bahagian risiko operasi RMD menyediakan pengawasan bebas daripada pemantauan dan kawalan risiko operasi. Risiko perundangan diuruskan oleh Jabatan Undang-undang dan di mana perlu, khidmat nasihat perundangan dari luar diambil.

### **Pendekatan Pengurusan Risiko Operasi**

Dasar Pengurusan Risiko Operasi mengekod prinsip teras pentadbiran bagi pengurusan risiko operasi dan menyediakan rangka kerja tambah nilai yang konsisten untuk menilai, menyampaikan secara komunikasi risiko operasi dan keberkesanan keseluruhan persekitaran kawalan dalaman.

Unit Perniagaan/Sokongan merangkumi satu bahagian penting dalam rangka kerja pengurusan risiko operasi dan mempunyai tanggungjawab utama terhadap pengurusan risiko operasi harian. Unit-unit ini bertanggungjawab untuk mewujudkan dan mengekalkan manual operasi masing-masing dan memastikan aktiviti yang dilakukan mematuhi rangka kerja pengurusan risiko operasi Kumpulan. Setiap unit perniagaan/sokongan menjalankan penilaian sendiri persekitaran risiko dan kawalan untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko operasinya. Kerugian dan kejadian risiko operasi dilaporkan kepada pengurusan kanan dan BRC melalui RMD yang melaksanakan penilaian secara bebas.

Pengurusan meletakkan nilai yang sangat tinggi untuk mengekalkan persekitaran kawalan yang berkesan untuk mengurangkan risiko operasi. Oleh itu, beberapa alat telah disediakan untuk mengurangkan risiko ini. Alat ini terdiri daripada:

- Penilaian Sendiri Risiko & Kawalan (“RCSA”) merupakan satu proses penilaian berterusan bagi risiko dan kawalan operasi yang wujud untuk mengenal pasti jurang kawalan dan untuk membangunkan pelan tindakan bagi menutup jurang tersebut. Ia adalah alat memprofil risiko yang membantu pengurusan risiko operasi yang berkesan dalam Syarikat. RCSA terletak di bawah tanggungjawab pengurusan kanan/ketua jabatan masing-masing;
- Petunjuk risiko utama sebagai isyarat amaran awal peningkatan risiko dan/atau kegagalan kawalan dengan memaparkan kekerapan kejadian sebagai mekanisma untuk penilaian/pemantauan risiko secara berterusan;
- Pengurusan kejadian yang merupakan satu proses dan sistem berstruktur untuk mengenal pasti dan menumpukan perhatian kepada bidang operasi bermasalah dan membantu mengurangkan kesan risiko; dan
- Laporan kerugian operasi

Bagi memastikan perkhidmatan tanpa gangguan dan untuk melindungi kehidupan manusia dan aset Cagamas semasa bencana, Cagamas telah menyediakan sebuah Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) yang ditakrifkan dengan jelas bagi pelbagai fungsi pentingnya. BCM meliputi Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) dan Pemulihan Bencana (DR), sekiranya berlaku gangguan perniagaan/bencana dan akibat inovasi BCP. Daya tahan rancangan-rancangan ini di bawah senario yang berbeza sedang diuji secara berterusan melalui latihan DR secara kerap.

Syarikat menggunakan pendekatan Petunjuk Asas untuk mengira Modal Risiko Operasi.

## **PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (SAMBUNGAN)**

### **8.0 PENDEDAHAN TADBIR URUS SYARIAH**

Syarikat berbincang dan mendapatkan pengesahan/kelulusan daripada Penasihat Syariah bebas bagi semua produk dan transaksi Islam bagi memastikan pematuhan kepada keperluan Syariah. Di samping itu, Syarikat juga mendapat kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti untuk produk Islamnya.

Audit dalaman yang dilakukan secara berkala untuk mengesahkan bahawa operasi Islam yang dijalankan oleh unit-unit perniagaannya mematuhi keputusan yang disahkan oleh Penasihat Syariah. Sebarang insiden tidak mematuhi keperluan Syariah akan dilaporkan kepada Penasihat Syariah dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan.

Tiada kejadian tidak mematuhi Syariah berlaku sepanjang tempoh kewangan ini.